



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## KENYATAAN MEDIA

### **D'TEBING RECHARGE RIDER SEBAGAI HAB P-HAILING KUALA LUMPUR PERKUKUH SOKONGAN KEPADA KOMUNITI PEKERJA GIG**

Komuniti penghantar makanan dan barangan yang menjadi antara penggerak penting ekonomi bandar kini mempunyai sebuah ruang khusus untuk berehat dan mendapatkan kemudahan asas menerusi D'Tebing Recharge Rider yang diperkenalkan sebagai Hab P-Hailing Kuala Lumpur.

Hab tersebut telah dirasmikan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersama YBhg. Datuk Seri TPr Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh kesejahteraan komuniti pekerja gig di ibu negara.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menyediakan kemudahan awam yang lebih inklusif, responsif dan mesra pengguna bagi memenuhi keperluan komuniti rider yang sentiasa berkhidmat di lapangan tanpa mengira cuaca dan waktu.

D'Tebing Recharge Rider menyediakan pelbagai kemudahan untuk kegunaan komuniti p-hailing termasuk ruang rehat berbumbung, stesen pengecas telefon bimbit, surau, tandas awam serta ruang menunggu pesanan yang lebih selesa dan kondusif. Kemudahan ini diwujudkan bagi menyokong kesejahteraan komuniti penghantar yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran aktiviti ekonomi dan kehidupan harian warga kota.

Mukasurat | 1



dbkl2u



dewanbandarayakualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt

Dua (2) unit ruang rehat D'Tebing Recharge Riders ini tersedia 24 jam bagi komuniti penghantar makanan dan barangan memanfaatkan ruang tersebut untuk berehat atau solat manakala stesen cas telefon bimbit akan dibuka bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 11.00 malam mengikut masa operasi kedai di sekitar. Selain itu, kedudukan D'Tebing Recharge Riders ini secara strategiknya ditempatkan berdekatan kedai makanan dan minuman yang turut menyediakan menu Rahmah serendah RM5 bagi menyokong komuniti ini yang turut bergelut dengan keadaan ekonomi dan perbelanjaan harian mereka.

Kemudahan ini bukan sekadar menyediakan ruang rehat, malah menjadi simbol pengiktirafan terhadap sumbangan komuniti rider yang memainkan peranan penting dalam menyokong kehidupan harian warga kota.

YB Hannah Yeoh berkata pembangunan bandar yang mampan perlu mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat termasuk komuniti pekerja gig yang semakin signifikan dalam landskap ekonomi bandar masa kini.

“Komuniti rider merupakan antara pemangkin ekonomi bandar yang membantu memastikan perkhidmatan menghantar makanan atau barangan berjalan lancar setiap hari. Pembangunan bandar bukan hanya tertumpu kepada penyediaan infrastruktur fizikal tetapi juga memastikan golongan yang menyumbang kepada kelancaran kehidupan harian warga kota turut menikmati kemudahan yang selesa, selamat dan bersesuaian dengan keperluan mereka.

“Penyediaan D'Tebing Recharge Rider mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dan DBKL untuk terus memperkukuh kesejahteraan komuniti pekerja gig melalui pendekatan pembangunan bandar yang lebih inklusif, prihatin dan berorientasikan rakyat,” ujarnya.

Mukasurat | 2



dbkl2u



dewanbandarayangualalumpur



dbkl2u



dbkltv



dbkl.tt

Usaha memperkenalkan D'Tebing Recharge Riders ini adalah langkah permulaan sebagai tanda menghargai dan memahami penat lelah komuniti ini. Berdasarkan maklum balas komuniti ini semasa pelancaran, ianya akan ditambah baik dari semasa ke semasa termasuk memasang lampu dan kipas di ruang rehat serta menambah lebih banyak plug cas bagi kemudahan lebih ramai pengguna.

DBKL akan terus meneroka dan melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada warga kota serta memastikan pembangunan Wilayah Persekutuan dilaksanakan secara seimbang, inklusif dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

Unit Media  
Jabatan Perancangan Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
16 Jun 2026  
e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

Mukasurat | 3

